

Ibu syukur Ashwad ditawan selamat

Keluarga adakan majlis kesyukuran

Berita Harian 2/06/2010

menunggu masa untuk dibawa pulang ke tanah air.

Wan Mahfuzah Jamil, 53, ketika ditemui sedang bersiap untuk mengadakan majlis kesyukuran selepas menerima berita mengenai usaha kerajaan membawa anaknya pulang.

Katanya, beliau bersama suaminya Ismail Yacob, 55 serta seluruh keluarga sebelum ini turut mengadakan solat hajat memohon Ashwad selamat dari sebarang bencana.

"Saya bersyukur ke hadirat Allah kerana anak saya selamat bersama rakannya yang lain. Saya juga berterima kasih kepada semua pihak yang terbabit dalam usaha menyelamatkan mereka.

"Kali terakhir Ashwad

menghubungi saya pada 24 Mei lalu dan kami hanya ber-bual biasa walaupun sebagai ibu hati saya tetap bimbang mengenai bahaya yang akan menimpa Ashwad.

"Kami sekeluarga tidak putus-putus berdoa dan sebagai ibu, saya yakin dia selamat walaupun tetap bimbang bahaya yang akan dilaluinya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Lorong Kampung Pisang, Bakar Bata, di sini, semalam.

Beliau berkata, sebelum ini Ashwad sememangnya kerap menghubungi keluarga terutama ketika bertugas di luar negara tetapi selepas peristiwa itu dua hari lalu tiada sebarang khabar berita darinya diterima keluarga.



Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

ALOR SETAR: Ibu wartawan kanan Astro Awani, Ashwad Ismail, bersyukur apabila mengetahui anaknya yang ditawan dalam serangan rejim Zionis ke atas kapal *Mavi Marmara* ketika menyertai misi kemanusiaan menghantar bantuan kepada penduduk Gaza selamat dan

Israel tiada hak tahan rakyat kita

KUALA LUMPUR: Kepimpinan pelbagai peringkat termasuk negara jiran, persatuan, kesatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Israel menyerang kapal konvoi misi bantuan kemanusiaan ke Gaza dan menggesa tindakan lebih berat dikenakan ke atas Israel.

Sambil menyifatkan serangan itu tidak berperikema-


nusiaan, mereka mahu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertindak pantas untuk segera menghentikan kekejaman itu.

Penasihat Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana (PGPO), Datuk Mukhriz Mahathir, berkata Israel tidak ada hak menahan atau mengurung rakyat negara ini dengan cara yang ternyata menyalahi undang-undang itu.

"Kami mendesak Israel

membebaskan serta merta semua rakyat Malaysia yang ditahan kerana tindakan rejim Zionis itu adalah satu bentuk penculikan, perlanungan dan keganasan kenegaraan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sehubungan itu, PGPO mendesak Israel tidak cuba mengada-adakan pendakwaan yang berunsur fitnah terhadap penggiat keamanan yang ditahan.



Toreh badan protes serangan Israel

Seorang lelaki warga Palestin bertindak nekad menoreh badan dan pehanya menggunakan pisau di depan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, semalam sebagai membantah serangan Israel terhadap konvoi kapal bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Ketika kejadian jam 11.40 pagi itu, lelaki berusia 30 tahun dan dikenali sebagai Mohamed Habib membuka bajunya dan mengeluarkan pisau sebelum menoreh badannya di depan kira-kira 500 orang yang menyertai demonstrasi membantah serangan itu.